



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/05/79 (HQ)

TNB RANGKUL ANUGERAH BRAND OF THE YEAR KE-4 DARIPADA WORLD BRANDING FORUM

Tenaga Nasional Berhad (TNB) merangkul anugerah berprestij Brand of the Year 2020 yang merupakan pengiktirafan jenama peringkat antarabangsa terlung di World Branding Awards yang berlangsung di London baru-baru ini.

Syarikat utiliti elektrik nasional itu adalah satu-satunya jenama yang menerima pengiktirafan tersebut bagi kategori anugerah tenaga di Malaysia. TNB juga memenangi anugerah yang sama pada tahun 2014, 2018 dan 2019.

Lebih 400 jenama dari lebih 45 negara menerima pengiktirafan “Brand of the Year” di World Branding Awards 2020-2021.

World Branding Awards adalah program anugerah ulung anjuran World Branding Forum, sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan antarabangsa yang berpangkalan di London. Anugerah itu mengiktiraf pencapaian inovatif dan kreatif pelbagai jenama yang kekal unik dan relevan kepada pelanggan mereka sepanjang tahun lalu.

Penerima anugerah dinilai dari tiga aspek termasuk penilaian jenama (30%), penyelidikan pasaran pelanggan (40%) dan undian awam secara maya (30%). Undian dan pencalonan dilakukan semasa pandemik COVID-19 melanda dunia ketika mereka berdepan dengan pelbagai kekangan yang memberi impak besar terhadap landskap ekonomi masing-masing.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, anugerah terbaharu ini mencerminkan kerjasama 35,000 warga kerjanya yang sentiasa gigih memberikan perkhidmatan terbaik kepada hampir 10 juta pelanggan TNB.

Menyifatkan tahun 2020 sebagai tahun paling mencabar sejak Krisis Kewangan 2008 rentetan pandemik COVID-19, beliau berkata: “Dengan berbekalkan semangat kerjasama dan dedikasi semua warga kerja TNB, kami sekali lagi berjaya memenangi kepercayaan pelanggan menerusi pengalaman pelanggan dan jenama yang terbaik.

“Kami akan terus menjalinkan hubungan yang lebih baik dengan pelanggan bagi mendengar setiap keluhan mereka dan memastikan ia ditangani dengan baik. Kami juga akan terus mengukuhkan hubungan dengan semua pihak berkepentingan.”

Dalam pada itu, Pengerusi World Branding Forum, Richard Rowles berkata anugerah itu mengiktiraf pemasar terbaik dari serata dunia. “Anugerah ini adalah satu penghargaan kepada usaha gigih syarikat-syarikat ini dalam membina dan mengekalkan jenama mereka di arena pasaran yang sentiasa berubah.”

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 Mei 2021, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din